



MDSB

مجلس دائيره سابوق برنام

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM

45300 SUNGAI BESAR SELANGOR DARUL EHSAN

Tel: 03 3224 1655/ 1000 Fax: 03 3224 2766/ 5339

E-mail: www.mdsb.gov.my

1. Pelesen adalah tertakluk kepada Akta Kerajaan Tempatan 1976; Undang-undang Kecil Penjaja (MDSB) 2007; Undang-undang Kecil Pengendali Makanan (MDSB) 2007; Undang-undang Kecil Pemungutan, Pembuangan & Pelupusan Sampah-sarap (MDSB) 2007 dan lain-lain arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam dari semasa ke semasa;
2. Lesen ini hendaklah sentiasa dipamerkan ditempat yang selamat dan mudah dilihat semasa menjalankan perniagaan dan pelesen yang gagal berbuat demikian boleh dikenakan tindakan kompaun;
3. Pelesen hendaklah menjelaskan bayaran fi lesen mengikut jadual yang ditetapkan kepada pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam;
4. Pengendali makanan diwajibkan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan Anti Tifoid (TY2);
5. Pengendali makanan diwajibkan untuk menghadiri Kursus Pengendali Makanan;
6. Pengendali makanan diwajibkan memakai apron, tudung kepala dan kasut ketika menjalankan perniagaan;
7. Jualan hendaklah bebas dari barangan tiruan. Skop perniagaan hendaklah mematuhi syarat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK);
8. Pelesen hendaklah menjaga kebersihan diri serta pakaian; memastikan peralatan perniagaan dalam keadaan baik dan sentiasa menggunakan air yang bersih untuk membasuh peralatan;
9. Kebersihan makanan dan minuman hendaklah sentiasa dijaga supaya tidak tercemar;
10. Dilarang menghalang atau mengganggu kelancaran arus lalulintas kenderaan dan pergerakan bebas pejalan-pejalan kaki;
11. Dilarang menjalankan perniagaan dalam lingkungan 9 meter daripada persimpangan jalan;
12. Dilarang menjalankan perniagaan dalam lingkungan 3.6 meter daripada pili bomba;
13. Dilarang menjalankan perniagaan di atas tangga, kaki lima atau laluan jalan kaki awam tanpa kebenaran bertulis daripada pihak berkuasa Majlis Daerah Sabak Bernam;
14. Dilarang melonggok, menumpah dan membuang cecair kotor ke dalam longkang atau sebarang tempat awam;
15. Dilarang menyebabkan kacau ganggu dalam bentuk asap, bau, haba, pancaran, bunyi dan sebagainya kepada orang ramai dan persekitaran;
16. Keluasan satu (1) petak ialah \approx 3 meter x 3 meter. Pelesen dilarang menggunakan petak melebihi had yang telah diluluskan;
17. Pelesen hendaklah mengosongkan tapak selepas perniagaan ditutup;
18. Pelesen hendaklah sentiasa menjaga kebersihan tapak perniagaan. Semua sisa buangan dan sampah-sarap hendaklah dimasukkan ke dalam beg atau karung plastik serta diikat kemas bagi memudahkan proses pengutipan dan pembuangan;
19. Pihak berkuasa MDSB berhak membatalkan lesen ini dan mengambil tindakan di atas kegagalan mematuhi syarat dan peraturan yang telah ditetapkan dari semasa ke semasa; dan
20. Caj **RM50.00** untuk penggantian akan dikenakan ke atas kehilangan lesen ini.